



PERSPEKTIF GURU j-QAF TERHADAP ISLAM HADHARI: KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR

(The Perception of j-QAF Teachers towards Islam Hadhari:
A Study in National Primary Schools in Hulu
Langat, Selangor)

M. ASRAR BIN SIDON
BADLIHISHAM MOHD NASIR*

Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islan, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 UKM, Bangi,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Dimensi pendidikan memainkan peranan penting dalam menghasilkan modal insan berkualiti yang akan mengisi misi Islam Hadhari. Perspektif yang pelbagai dalam kalangan masyarakat terhadap Islam Hadhari merupakan sebahagian dari cabaran pendekatan pembangunan ketamadunan ini untuk berfungsi dalam strategi pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perspektif guru-guru Pendidikan Islam j-QAF Kementerian Pelajaran Malaysia berkenaan Islam Hadhari dari sudut konsepnya dan strategi mereka menyisipkan Konsep Islam Hadhari dalam perlaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari dalam amalan bilik darjah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kajian dokumen, temubual dan soal selidik. Responden dalam kajian terdiri daripada 81 orang guru j-QAF di sekolah kebangsaan terpilih Daerah Hulu Langat, Selangor. Hasil kajian menunjukkan guru j-QAF mempunyai perspektif yang sederhana terhadap konsep Islam Hadhari; dan perspektif yang sederhana juga ditunjukkan pada Panduan Perlaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari. Bagaimanapun, perspektif mereka tinggi terhadap kebolehupayaan mereka menyisipkan konsep Islam Hadhari di dalam pengajaran dan pembelajaran. Sekalipun begitu, perspektif mereka terhadap respons murid sewaktu konsep Islam Hadhari disisipkan di dalam pengajaran dan pembelajaran adalah di tahap sederhana. Dapatkan kajian juga menunjukkan guru j-QAF mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari.

Kata Kunci: perspektif, modal insan, penyisipan konsep Islam Hadhari, amalan bilik darjah, respons murid

*Corresponding author: Badlihisham Mohd Nasir, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia, e-mel: bmn@ukm.my

Diserahkan: 28 November 2011

Diterima: 3 Januari 2012

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-0401-01>

ABSTRACT

Education dimension plays a vital role in generating quality human capital in fulfilling the Islam Hadhari mission. Part of the challenges in the approach of developing this civilization to function as an education strategy is the variety of perspective against Islam Hadhari. This study aimed to analyze the perspective of j-QAF Islamic Education teachers, Malaysian Education Ministry on Islam Hadhari. The perspective being studied was on the concept of Islam Hadhari, and the insertion strategy in the Islamic Studies teaching practices based on the Islam Hadhari approach. The study was conducted by doing library research, interviews and questionnaires. Eighty one respondents of j-QAF teachers teaching in selected national primary schools in the district of Hulu Langat, Selangor participated in the study. Finding from this research showed that j-QAF teachers have medium perspective on the Islam Hadhari concept. A moderate level was also referred to Islamic Education Studies Based on Islam Hadhari Curriculum Implementation Guidelines. Nevertheless, their perspective were high on level of difficulties they faced in inserting the concept of Islam Hadhari in lesson and learning process. However, their perspective against pupils responses during the insertion of Islam Hadhari concept in lesson and learning were moderate. The findings also indicates that j-QAF teachers had high expectation on the effectiveness of the Islamic Education Curriculum based on Islam Hadhari approach.

Keywords: perspective, human capital, insertion concept of Islam Hadhari, classroom practice, pupils responses

PENDAHULUAN

Islam Hadhari adalah dasar kerajaan berkaitan Islam yang dilaksanakan di negara ini sejak tahun 2004. Perbincangan tentang program ini telah menjadi sesuatu yang kontemporari khususnya berkenaan konsep Islam Hadhari itu sendiri dan pelaksanaannya. Dalam pendidikan Islam, konsep Islam Hadhari dicerna di dalam Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Guru j-QAF pula ialah guru berijazah aliran Pengajian Islam; al-Quran dan Bahasa Arab yang mengkhusus menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain di sekolah-sekolah rendah kebangsaan KPM. Mereka berfungsi membantu Guru Pendidikan Islam memperkasakan pencapaian kurikulum semakan Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari KPM.

Secara umum, Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Islam Hadhari ialah strategi guru j-QAF menyisipkan konsep Islam Hadhari seperti prinsip-prinsipnya dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di samping isi pelajaran utama seperti Jawi, Bahasa Arab dan sebagainya.

Kajian ini mengenal pasti cabaran guru j-QAF sebagai penggerak Islam Hadhari di dalam pendidikan sebagai permasalahan yang ingin diteliti. Oleh kerana terdapat perspektif yang pelbagai terhadap Islam Hadhari di kalangan masyarakat, maka kajian ini juga cuba meneliti apakah perspektif mereka terhadap konsep Islam Hadhari. Selain itu, kajian ini turut meneliti tahap kesukaran yang dirasai oleh guru-guru j-QAF ini semasa menyisipkan konsep Islam Hadhari dalam pengajaran dan pembelajaran serta penilaian mereka terhadap respons murid semasa konsep ini disisisipkan. Seterusnya melihat jangkaan mereka terhadap keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari pada masa akan datang serta sebarang komen mereka terhadap konsep Islam Hadhari di dalam bidang pendidikan.

Sampel kajian merupakan 81 orang yang terdiri dari guru Pendidikan Islam j-QAF yang bertugas di sekolah-sekolah kebangsaan daerah Hulu Langat. Mereka merupakan guru j-QAF yang berkelulusan sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda Pengajian Islam di institusi pengajian tinggi dan diploma pendidikan bagi lepasan ijazah di maktab perguruan Malaysia. Mereka merupakan guru khas Pendidikan Islam yang membantu pencapaian kemahiran Pendidikan Islam di dalam bidang mata pelajaran Jawi, Al-Quran, Asas Fardu Ain dan juga Bahasa Arab (j-QAF). Guru-guru ini menjalankan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan berpandukan kepada Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari.

Program Islam Hadhari Secara Ringkas

Islam Hadhari merupakan kesinambungan program Islamisasi kerajaan. Menurut Abdul Ghaffar (2009a), Islam Hadhari merupakan satu program yang unik dan lahir dari pemikiran rakyat Malaysia. Ia lahir dan dipelopori oleh Malaysia dan merupakan satu-satunya program Islam Hadhari di dunia Islam sekarang. Kemunculannya sebagai satu idea baru dengan istilahnya yang sedemikian telah mengundang persoalan, polemik dan pelbagai perspektif dalam masyarakat tentang sejauh manakah kerelevennannya sebagai satu buah pemikiran Islam yang berasosiasi dengan sumber-sumber Islam khususnya al-Quran dan al-Sunnah.

Sebab-sebab Pelaksanaan Islam Hadhari

Terdapat beberapa sebab yang signifikan berkenaan pelaksanaan Islam Hadhari. Sebab-sebab ini, pengkaji menganalisisnya dari rumusan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan kenyataan agensi pelaksananya iaitu JAKIM serta pendapat sarjana-sarjana. Antara sebab-sebab pelaksanaan Islam Hadhari ialah:

1. Sebagai pelanjutan program Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (DPNI) kerajaan serta memberikan inspirasi kepada dunia Islam lain berkenaan Malaysia sebagai satu Negara Islam Contoh.
2. Peristiwa 11 September 2001 telah mengheret wajah negara-negara Islam dengan imej-perspektif radikal dan berbahaya seperti yang telah dilabelkan oleh kuasa besar barat. Pendekatan Islam Hadhari diharapkan dapat membetulkan perspektif negatif barat terhadap negara dan umat Islam.
3. Sebagai satu usaha mematang dan memperkasakan kesedaran Islam dalam bentuk yang lebih progresif dan dinamik dalam menghadapi cabaran dunia globalisasi (Mohammad Kamil & Rahimin 2006).
4. Reaksi atau dorongan dari senario politik antarabangsa dan dalam negeri, juga untuk memartabatkan umat Islam di sudut pendidikan, ekonomi serta sebagai usaha menjernihkan aliran pemikiran Islam yang dianggap membantutkan perkembangan tamadun umat (Abdul Ghaffar 2009b).
5. Menurut Mahmood Zuhdi (2008), konsep Islam Hadhari adalah sebahagian dari suatu konsep lain yang lebih besar dan menyeluruh dalam perjuangan menegakkan Islam pada zaman ini iaitu dipanggil ‘perubahan yang menyeluruh’ (*al-taghyir al-syamil*). Dalam dunia Islam sekarang, keperluan kepada perubahan ini berkait rapat dengan kegagalan masyarakat dan negara Islam sedunia dalam mencapai tahap kemajuan yang sepatutnya, baik dari segi pemikiran, keilmuan, kemasyarakatan, pembangunan dan seterusnya berbanding dengan apa yang dicapai oleh masyarakat dan negara luar bukan Islam baik di Barat maupun di Timur. Menurut beliau lagi, kegagalan yang menyeluruh telah membentuk perangkap di pelbagai dimensi kepada masyarakat dan negara Islam dalam satu lingkaran yang tidak berpenghujung. Maka, untuk keluar tidak ada jalan lain kecuali melakukan perubahan yang menyeluruh. Perubahan ini akan memecahkan kepungan globalisasi Barat. Fakta ini juga disokong oleh Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid selaku pengurus Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) (1993).

6. Konsep Islam Hadhari ialah mengambil pendekatan ketamadunan atau hadhari yang menumpukan kepada pokok pangkal cabaran yang dihadapi umat Islam sekarang. Selain itu pendekatan ini juga merangkumi pendekatan-pendekatan yang lain seperti pendekatan politik, pemikiran, intelektual, akidah dan termasuklah juga pendidikan. Selain itu pendekatan ketamadunan ini juga telah mempengaruhi dasar dan pelaksanaan nilai-nilai Islam sejak awal merdeka lagi seperti Dasar Pendidikan Negara, Dasar Pembangunan Luar Bandar, Dasar Ekonomi Baru, Penerapan Nilai-nilai Islam, Wawasan 2020 dan yang terakhir ialah Islam Hadhari dakwah (Mahmood Zuhdi et al. 2008).
7. Mohammad Kamil dan Rahimin (2006) menyatakan mutakhir ini pendekatan Islam Hadhari atau Islam Pendekatan Tamadun semakin mendapat perhatian selepas beberapa pendekatan sebelumnya seperti pendekatan politik kurang mendapat kejayaan secara praktikal khususnya setelah negara umat Islam bebas dan merdeka. Beliau telah memetik pendapat Dr Yusuf al-Qaradawi yang menyifatkan aliran ketamadunan sebagai aliran sederhana yang konstruktif/positif (*al-wasatiyah al-ijabiyah*) kerana menjuruskannya Islam sebagai sebuah tamadun unggul. Pendekatan Hadhari tidak sekadar membakar semangat dan emosi umat seperti pendekatan politik tetapi lebih banyak menyumbang secara praktis dan rasional. Dengan pendekatan praktis yang berlemah lembut (*al-rifq*) bukan kekerasan (*al-unuf*), bertoleransi (*al-tasamuh*) bukan taksub, serta bekerjasama (*al-taa'wun*) bukan bermusuhan (*al-tanakur*).
8. Dengan demikian, pendekatan Hadhari menurut Dr Yusuf Al-Qaradawi seperti yang dipetik oleh Mohammad Kamil (2006) ialah kembali kepada Islam awal yang murni, Islam al-Quran dan al-Sunnah yang ‘*simple*’, Islam yang mudah (*taysir*) dan tidak berbelit-belit, apa lagi sengaja menyulitkan (*ta'cir*), Islam yang menarik semua pihak dan golongan, bukan meliarkan, Islam berkenal-kenalan (*al-taa'ruf*), bukan saling bertentangan (*al-tanakur*), Islam dialog (*hiwar*) bukan suka memencilkan diri (*uzlah*), Islam isi (*madhmun*) bukan sekadar kulit atau bentuk (*shakli*), mempergunakan ijтиhad akal bukan taklid membuta tuli, bersifat tajdidi (pembaharuan) bukan jumud pada takuk yang lama, malah menekankan supaya berdisiplin bukan kacau bilau atau ala kadar, malahan bersederhana (*al-wasat*) bukan melampau ketat (*ifrat*) atau melampau longgar (*tafrit*) dalam pegangan, keyakinan dan amalan hidup.

Selain dari sebab-sebab di atas, terdapat juga sebab-sebab lain yang popular iaitu Islam Hadhari diperkenalkan sebagai satu pendekatan politik UMNO-kerajaan. Di samping itu, cetusan Islam Hadhari oleh Tun Abdullah

Hj Ahmad Badawi juga tidak didahului dengan cetusan pemikirannya dalam hal-hal berkaitan jika dibandingkan dengan Tun Mahathir dengan cetusan *The Malay Dillemania* maka senario seperti dibincangkan tadi menyumbang wujudnya kepelbagaiannya perspektif tentang sebab-sebab penganjuran Islam Hadhari yang telah juga mengundang polemik di dalam masyarakat Islam.

Islam Hadhari telah diurus tadbir oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang baru iaitu Dato' Dr Abdullah Md Zin selaku sekretariat Islam Hadhari. Jawatankuasa ini mengoperasikan beberapa jawatankuasa penting yang melaksanakan Islam Hadhari. Antaranya ialah i) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI); ii) Jawatankuasa Penyelaras Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan; iii) Jawatankuasa Kerja Penyelaras Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Antara Agensi; iv) Jawatankuasa Penyelaras Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Peringkat Kementerian dan v) Jawatankuasa Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Peringkat Negeri. Menurut Abdul Ghaffar (2009b), fasa selepas Pilihanraya Umum Ke 11 ini dianggapkan sebagai fasa pembentukan pemikiran Islam Hadhari Malaysia.

Berdasarkan perbincangan di atas, secara ringkasnya sebab-sebab penganjuran Islam Hadhari adalah pelbagai. Antaranya pendekatan Islam Hadhari dipilih berdasarkan ia sebagai satu pendekatan yang dikatakan paling sesuai dan di dalamnya juga mengandungi pendekatan-pendekatan yang lain dalam kapasitinya yang tertentu seperti pendekatan pendidikan, politik dan sebagainya. Telah dihujahkan bahawa pendekatan ini membawa bentuk yang baru tetapi mempunyai asas yang mendalam di dalam Islam. Walau bagaimanapun, pelbagai perspektif timbul pada persoalan sejauh manakah hubungan Islam Hadhari sebagai satu pemikiran baru Islam yang berhubungan dengan sumber-sumber Islam. Senario politik dan sosial semasa telah menguji-mencabar perkembangan konsep Islam Hadhari di sudut kekuatan dan kedinamikan konsep serta pelaksanaannya di dalam realiti Malaysia.

Program j-QAF dan Hubungannya Dengan Islam Hadhari

Program j-QAF ialah berasaskan idea YAB Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang telah dinyatakan secara khusus semasa lawatan pertamanya ke Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 30 Disember 2003. Walau bagaimanapun menurut Hasnol (2009), babit tercetusnya idea ini adalah semasa pertemuan YAB Perdana Menteri dengan Majlis Mufti-mufti Malaysia sebelum itu yang antaranya membincangkan permasalahan

kelemahan penguasaan al-Quran di kalangan umat Islam. Semasa lawatan pertama ke KPM, YAB Perdana Menteri telah melontarkan permasalahan kelemahan penguasaan al-Quran di kalangan umat Islam. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyahut cetusan idea ini dengan mengadakan perbincangan-perbincangan dalaman. Perkembangan idea telah juga menyeret sekali permasalahan berkaitan Jawi, Fardu Ain dan juga Bahasa Arab. Idea ini juga menyokong pada pembentukan nama program ini iaitu j-QAF yang membawa maksud Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain. Dengan ini kemunculan program j-QAF merupakan salah satu kapasiti pendidikan dalam Islam Hadhari di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Hal ini telah dinyatakan oleh mantan Ketua Pengarah Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Allahyarham Tan Sri Abdul Rafie Mahat (2004) iaitu:

Program j-QAF adalah antara usaha memperkasa Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam. Program j-QAF ini dibina berdasarkan idea YAB Perdana Menteri Malaysia yang berhasrat melahirkan murid-murid di sekolah rendah yang khatam al-Quran. Beliau juga menyarankan Bahasa Arab diwajibkan, asas-asas Fardu Ain dihayati dan Jawi diperkuuhkan bermula di sekolah rendah.

Tanggungjawab untuk melaksanakan program ini dipikul oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan usaha merealisasikannya oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. Sesungguhnya program j-QAF yang dicadangkan adalah sebahagian daripada pengisian kepada konsep Islam Hadhari yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri.

Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam yang dikenali dengan Kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan Pendekatan Islam Hadhari. Kurikulum ini menstrategikan setiap perancangan dan pengelolaan pengajaran dan pembelajaran hendaklah mengambil kira strategi untuk menyisipkan konsep Islam Hadhari seperti prinsip-prinsipnya, pendekatan-pendekatan ketamadunan dan sebagainya di dalam amalan bilik darjah. Melalui program j-QAF ini, dijangka usaha memperkasakan Pendidikan Islam akan dapat digembleng dan di samping itu juga sebagai salah satu aktiviti Islam Hadhari dalam pendidikan di Malaysia.

KAEADAH ANALISIS DATA

Soal selidik dibentuk dalam 5 bahagian, iaitu bahagian A (Profil Guru j-QAF), B (Perspektif Guru j-QAF Terhadap Konsep dan Pelaksanaan Islam Hadhari), C (Perspektif Guru j-QAF Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Islam Berasaskan Islam Hadhari), D (Perspektif Guru j-QAF Terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran j-QAF berdasarkan prinsip Islam Hadhari dan E (Komen dan Cadangan)

Untuk menentukan perspektif guru-guru terhadap konsep Islam Hadhari dan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari, data telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min dan sisihan piawai). Dalam membuat penilaian min pengkaji menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan Sanger et al. (2007). Sanger et al. (2007) juga telah membahagikan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif kepada tiga kategori iaitu (i) Tinggi/Bersetuju (Min = 3.51 hingga 5.00), (ii) Sederhana/Kurang bersetuju (Min = 2.50 hingga 3.50) dan (iii) Rendah/Tidak bersetuju (Min = 1.00 hingga 2.49) seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1 Interpretasi Skor Min berdasarkan pandangan Sanger et al. (2007)

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.49	Rendah/Tidak bersetuju
2.50 – 3.50	Sederhana/Kurang bersetuju
3.51 – 5.00	Tinggi/Bersetuju

Untuk kesesuaian kajian ini, apabila guru-guru j-QAF memperoleh Min yang tinggi penulis beranggapan mereka memberikan perspektif yang “baik ataupun positif” melambangkan kekuatan konsep dan pelaksanaan Islam Hadhari di dalam Pendidikan Islam. Sekiranya mereka memperoleh Min yang sederhana/kurang bersetuju menunjukkan guru-guru mempunyai perspektif yang “sederhana ataupun kemungkinan menurut mereka terdapat perkara-perkara tertentu yang perlu diperbaiki”. Begitu juga apabila guru-guru memperoleh Min yang rendah/tidak bersetuju, menunjukkan guru-guru memiliki perspektif yang “rendah atau pun terdapat perkara-perkara tertentu di dalam konsep Islam Hadhari dan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari yang perlu diperbaiki atau direka bentuk semula.

DAPATAN KAJIAN

Dalam mengukur perspektif guru j-QAF terhadap konsep Islam Hadhari, penulis menggunakan pernyataan-pernyataan yang sering dihubungkaitkan dengan persoalan Islam Hadhari yang kontemporari sifatnya iaitu dapatannya seperti di bawah:

Jadual 2 Perspektif Guru j-QAF Bagi Setiap Pernyataan Berkaitan Konsep Islam Hadhari

Pernyataan Tentang Konsep Islam Hadhari	Min	Sp.	Interpretasi
a. Islam Hadhari selari dengan <i>maqasid syariah</i>	3.49	1.01	Sederhana
b. 10 prinsip Islam Hadhari menepati ajaran Islam	3.80	0.79	Tinggi
c. Istilah “Islam Hadhari” mengelirukan	2.68	1.13	Sederhana
d. Islam Hadhari adalah satu mazhab baru	3.63	1.06	Tinggi
e. Islam Hadhari adalah satu bid’ah	3.30	1.17	Sederhana
f. Islam Hadhari adalah bermotif politik	2.91	1.09	Sederhana
g. Pelaksanaan undang-undang Syariah dan Amar Makruf Nahi Mungkar TIDAK ada dalam prinsip Islam Hadhari	2.78	1.21	Sederhana
h. Islam Hadhari memberikan penekanan yang tinggi kepada bidang pendidikan	3.68	0.80	Tinggi
i. Islam Hadhari telah memperkasa dan memartabatkan pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia	3.71	0.88	Tinggi
j. Islam Hadhari sesuai untuk diteruskan sebagai polisi kerajaan pada masa yang akan datang	3.34	1.16	Sederhana

Daripada 10 pernyataan yang digunakan untuk menggambarkan perspektif guru-guru tentang konsep Islam Hadhari, hasil kajian menunjukkan terdapat empat pernyataan yang memperoleh skor yang tinggi iaitu: 10 prinsip Islam Hadhari menepati ajaran Islam; Islam Hadhari bukanlah satu mazhab baru; Islam Hadhari memberikan penekanan yang tinggi kepada bidang pendidikan dan Islam Hadhari telah memperkasa dan memartabatkan pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dapatkan ini menggambarkan bahawa guru-guru mempunyai pandangan yang positif terhadap keempat-empat pernyataan ini. Dengan perkataan lain guru-guru melihat sememangnya 10 prinsip Islam Hadhari tersebut selari dengan

ajaran Islam dan memberikan penekanan yang tinggi dalam aspek pendidikan. Seterusnya mereka juga melihat bahawa Islam Hadhari tersebut bukanlah satu mazhab yang baru, dan konsep tersebut sememangnya mereka nampak telah memperkasakan dan memartabatkan Pendidikan Islam di Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pandangan yang sederhana telah ditunjukkan pada enam pernyataan tentang konsep Islam Hadhari berkenaan, iaitu; Islam Hadhari selari dengan *maqasid* syariah; Istilah Islam Hadhari mengelirukan; Islam Hadhari adalah satu bid'ah; Islam Hadhari adalah bermotif politik; Pelaksanaan undang-undang Syariah dan Amar Makruf Nahi Mungkar TIDAK ada dalam prinsip Islam Hadhari dan Islam Hadhari sesuai untuk diteruskan sebagai polisi kerajaan pada masa yang akan datang.

Ini menggambarkan bahawa dalam aspek-aspek tertentu guru-guru melihat konsep Islam Hadhari tersebut bersesuaian untuk dilaksanakan, dan mereka memberikan respons yang positif terhadap aspek-aspek tersebut, seperti yang disentuh pada perenggan sebelum ini. Bagaimanapun, respons sederhana yang diberikan oleh guru-guru memberikan gambaran bahawa kemungkinan mereka melihat aspek-aspek tersebut perlu disemak dan diperjelaskan dengan lebih meluas dan mendalam supaya tidak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Secara keseluruhannya, perspektif guru j-QAF terhadap Islam Hadhari ialah sederhana seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 Perspektif Guru j-QAF Terhadap Konsep Islam Hadhari

	N	Min	Sp.	Interpretasi
Konsep Islam Hadhari	81	3.33	0.74	Sederhana

Perspektif Guru j-QAF Terhadap Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Berdasarkan Pendekatan Islam Hadhari

Jadual 4 di bawah pula menunjukkan perspektif guru-guru j-QAF terhadap Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Berdasarkan Pendekatan Islam Hadhari. Hasil analisis menunjukkan guru-guru masih mempunyai perspektif yang sederhana terhadap panduan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari tersebut ($\text{Min}= 3.43$, $\text{Sp.}= 0.86$). Perspektif sederhana yang ditunjukkan oleh guru-guru ini, kemungkinan

mereka melihat bahawa panduan pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari sememangnya dapat mereka terima, namun kemungkinan menurut pandangan mereka terdapat aspek-aspek tertentu yang perlu dipertingkatkan agar pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari tersebut nampak lebih berkesan.

Jadual 4 Perspektif Guru-guru Terhadap Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari

	N	Min	Sp.	Interpretasi
Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari	81	3.43	0.86	Sederhana

Perspektif guru-guru j-QAF terhadap setiap pernyataan yang menggambarkan tentang panduan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari tersebut seperti ditunjukkan pada Jadual 5.

Jadual 5 Perspektif Guru-guru Bagi Setiap Pernyataan Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari

Pernyataan	Min	Sp.	Interpretasi
a. Panduan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari adalah lengkap dan jelas	3.52	0.86	Tinggi
b. Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari sangat membantu saya sewaktu membuat perancangan dan pelaksanaan pengajaran&pembelajaran (P&P).	3.37	0.96	Sederhana

Bila dilihat perspektif guru-guru j-QAF pada item masing-masing, didapati mereka mempunyai respons yang positif iaitu “Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari adalah lengkap dan jelas” (Min=3.52, Sp.=0.86). Ini menggambarkan bahawa sememangnya menurut pandangan guru-guru yang dikaji bahawa panduan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam tersebut adalah jelas kepada mereka. Respons positif yang diberikan oleh guru-guru kemungkinan juga menggambarkan tentang keselesaan mereka menggunakan panduan pelaksanaan kurikulum tersebut dalam mereka bekerja. Walau bagaimanapun bila dirujuk respons mereka tentang iaitu “Panduan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam sangat

membantu saya sewaktu membuat perancangan dan pelaksanaan pengajaran & pembelajaran (P&P)” (Min=3.37, Sp=0.96), guru-guru memberikan respons yang sederhana. Ini menunjukkan kemungkinan wujud aspek-aspek tertentu yang perlu diperbaiki dalam hal ini. Seperti dilaporkan pada perenggan sebelum ini secara umumnya guru-guru menyatakan perspektif mereka terhadap Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari ini. Justeru, kemungkinan mereka telah melihat panduan ini telah pun membantu mereka dalam P&P, namun akan menjadi lebih baik lagi sekiranya diperjelas lagi sehingga memudahkan guru-guru dalam P&P.

Perspektif Guru j-QAF Dari Sudut Sukar/Mudah Semasa Menyisipkan Konsep Islam Hadhari Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Jadual 6 menunjukkan perspektif guru j-QAF dari sudut sukar/mudah semasa menyisipkan konsep Islam Hadhari di dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan kajian menunjukkan guru- guru j-QAF mempunyai perspektif yang tinggi dari sudut sukar/mudah semasa menyisipkan konsep Islam Hadhari di dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Min=3.63, Sp.=0.63). Dapatkan ini menggambarkan bahawa, kemungkinan secara umumnya mereka tidak menghadapi banyak masalah untuk menyisipkan konsep Islam Hadhari tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Guru-guru j-QAF tersebut dapat menyisipkan konsep Islam Hadhari dengan baik di dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Jadual 6 Perspektif Guru j-QAF Dari Sudut Sukar/Mudah Semasa Menyisipkan Konsep Islam Hadhari Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

	N	Min	Sp.	Interpretasi
Perspektif guru j-QAF dari sudut sukar/mudah semasa menyisipkan konsep Islam Hadhari di dalam pengajaran dan pembelajaran	81	3.63	0.63	Tinggi

Seterusnya untuk melihat perspektif guru j-QAF bagi setiap pernyataan dari sudut sukar/mudah semasa menyisipkan konsep Islam Hadhari di dalam pengajaran dan pembelajaran, secara terperinci dilaporkan tahap respons mereka terhadap setiap pernyataan tersebut. Terdapat 10 pernyataan yang digunakan untuk menggambarkan perspektif guru-guru dari sudut sukar/mudah semasa menyisipkan konsep Islam Hadhari di dalam pengajaran dan pembelajaran ini seperti ditunjukkan pada Jadual 7.

**Jadual 7. Perspektif Guru j-QAF Bagi Setiap Pernyataan
Dari Sudut Sukar/Mudah Semasa Menyisipkan Konsep Islam Hadhari
Dalam Pengajaran dan Pembelajaran**

Pernyataan	Min	Sp.	Interpretasi
a. Prinsip Keimanan Dan Ketakwaan Kepada Allah mudah disisisipkan dalam P&P	3.90	0.70	Tinggi
b. Prinsip Kerajaan Adil Dan Beramanah mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P	3.48	0.82	Sederhana
c. Prinsip Rakyat Berjiwa Merdeka mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P	3.54	0.79	Tinggi
d. Prinsip Penguasaan Ilmu Pengetahuan mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P	3.96	0.60	Tinggi
e. Prinsip Pembangunan Ekonomi Seimbang Dan Komprehensif mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P	3.45	0.84	Sederhana
f. Prinsip Kehidupan Berkualiti mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P	3.80	0.75	Tinggi
g. Prinsip Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti Dan Wanita mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P	3.24	0.91	Sederhana
h. Prinsip Keutuhan Budaya Dan Moral mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P	3.69	0.90	Tinggi
i. Prinsip Pemuliharaan Alam Semulajadi mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P	3.83	0.75	Tinggi
j. Prinsip Kekuatan Pertahanan mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P	3.49	0.90	Sederhana

Sumber: Soal Selidik 2009

Daripada 10 pernyataan yang digunakan untuk menggambarkan perspektif guru-guru sukar/mudah semasa menyisipkan konsep Islam Hadhari di dalam pengajaran dan pembelajaran mereka, dapatan kajian menunjukkan terdapat enam pernyataan yang memperoleh skor yang tinggi iaitu: Prinsip Keimanan Dan Ketakwaan Kepada Allah mudah disisisipkan dalam P&P (Min= 3.90, Sp= 0.70); Prinsip Rakyat Berjiwa Merdeka mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P (Min=3.54, Sp.= 0.79); Prinsip Penguasaan Ilmu Pengetahuan mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P (Min=3.96, Sp.=0.60); Prinsip Kehidupan Berkualiti mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P (Min= 3.80, Sp.= 0.75); Prinsip Keutuhan Budaya dan Moral mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P (Min=0.90), dan Prinsip Pemuliharaan Alam Semulajadi mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P (Min=3.83, Sp.= 0.75). Dapatkan ini menggambarkan bahawa guru-guru tidak menghadapi sebarang masalah untuk menyisipkan keenam-enam prinsip tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Pandangan yang sederhana pada empat pernyataan tentang sukar/mudah semasa menyisipkan konsep Islam Hadhari di dalam pengajaran dan pembelajaran mereka, iaitu: Prinsip Kerajaan Adil Dan Beramanah mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P ($\text{Min}=3.48$, $\text{Sp.}=0.82$); Prinsip Penguasaan Ekonomi Seimbang mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P ($\text{Min}=3.45$, $\text{Sp.}=0.84$); Prinsip Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti Dan Wanita mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P ($\text{Min}=3.24$, $\text{Sp.}=0.91$), dan Prinsip Kekuatan Pertahanan mudah disisisipkan dalam pelaksanaan P&P ($\text{Min}=3.49$, $\text{Sp.}=0.90$). Respons sederhana yang ditunjukkan oleh guru-guru j-QAF terhadap empat pernyataan ini, kemungkinan mereka menghadapi sedikit kesukaran untuk menyisipkan prinsip-prinsip tersebut di dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Kemungkinan empat prinsip tersebut lebih bersesuaian disisisipkan dalam mata pelajaran tertentu yang lebih dekat ataupun lebih spesifik dengan keempat-empat prinsip tersebut.

Perspektif Guru j-QAF Terhadap Tindak Balas Murid Sewaktu Konsep Islam Hadhari Disisisipkan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

Jadual 8 pula menunjukkan perspektif guru j-QAF terhadap tindak balas murid sewaktu konsep Islam Hadhari disisisipkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Hasil kajian menunjukkan guru-guru j-QAF mempunyai perspektif yang sederhana terhadap tindak balas murid sewaktu konsep Islam Hadhari disisisipkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka tersebut ($\text{Min}=3.48$, $\text{Sp.}=0.84$). Dapatkan ini menunjukkan kemungkinan tindak balas yang diberikan oleh murid-murid semasa guru menyisipkan konsep Islam Hadhari tersebut, sememangnya kurang mendapat tindak balas yang memberangsangkan daripada murid-murid mereka. Dengan perkataan lain, kemungkinan guru-guru j-QAF tersebut perlu lebih kreatif lagi menggunakan pelbagai kaedah supaya murid-murid dapat memberikan tindak balas yang lebih positif ataupun lebih memberangsangkan semasa penysipan konsep Islam Hadhari tersebut.

Jadual 8 Perspektif Guru j-QAF Terhadap Tindak Balas Murid Sewaktu Konsep Islam Hadhari Disisisipkan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

	N	Min	Sp.	Interpretasi
Perspektif guru j-QAF terhadap tindak balas murid sewaktu konsep Islam Hadhari disisisipkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran	81	3.48	0.84	Sederhana

Perspektif Guru j-QAF Terhadap Jangkaan Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari Dalam Mencapai Misi Islam Hadhari

Jadual 9 menunjukkan perspektif guru j-QAF terhadap jangkaan keberkesanan kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari dalam mencapai misi Islam Hadhari. Dapatkan kajian menunjukkan guru-guru j-QAF mempunyai perspektif yang tinggi terhadap jangkaan keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari dalam mencapai misi Islam Hadhari tersebut ($\text{Min}=3.62$, $\text{Sp.}= 0.95$). Dapatkan ini menggambarkan bahawa guru-guru j-QAF yang dikaji merasa yakin dapat mencapai misi Islam Hadhari tersebut melalui kurikulum pendidikan Islam yang dilaksanakan menggunakan pendekatan Islam Hadhari.

Jadual 9 Perspektif Guru j-QAF Terhadap Jangkaan Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari Dalam Mencapai Misi Islam Hadhari

	N	Min	Sp.	Interpretasi
Perspektif guru j-QAF terhadap jangkaan keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari dalam mencapai misi Islam Hadhari	81	3.62	0.95	Tinggi

Perspektif Guru-guru j-QAF Terhadap Jangkaan Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari Dalam Mencapai Misi Islam Hadhari

Sebanyak tiga pernyataan digunakan untuk menggambarkan perspektif guru-guru j-QAF terhadap jangkaan keberkesanan kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari dalam mencapai misi Islam Hadhari; didapati menunjukkan skor yang tinggi seperti di Jadual 10. Dapatkan ini juga menggambarkan bahawa guru-guru j-QAF yang terlibat di dalam kajian ini sememangnya melihat bahawa kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari tersebut dapat mencapai matlamat modal insan, memantapkan keimanan dan ketakwaan murid. Seterusnya juga dapat memantapkan jati diri murid-murid di sekolah.

Jadual 10 Perspektif Guru j-QAF Terhadap Setiap Pernyataan Jangkaan Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari Dalam Mencapai Misi Islam Hadhari

	Pernyataan	Min	Sp.	Interpretasi
a.	Kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari dapat mencapai matlamat modal insan yang diperlukan	3.64	0.95	Tinggi
b.	Kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari dapat memantapkan lagi keimanan dan ketakwaan murid kepada Allah	3.62	0.94	Tinggi
c.	Kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari dapat memantapkan lagi jati diri murid	3.62	0.93	Tinggi

Komen, Cadangan Guru J-Qaf Terhadap Konsep dan Pelaksanaan Islam Hadhari Dalam Bidang Pendidikan

Daripada 81 soal selidik yang dipulangkan, hanya seramai 49 (60.5%) responden yang mengisikan komen mereka. Walau bagaimanapun, 2 daripada 49 responden tadi mengisikan kenyataan bahawa mereka ‘tiada cadangan’. Maka di sini sebanyak 47 komentar yang akan penulis analisis. Sementara 32 (29.5%) responden tidak mengisikannya. Kemungkinannya 32 responden ini tidak memberikan komen kerana tiada cadangan yang hendak diberikan atau sudah memadai soalan soal selidik yang ada bagi menggambarkan perspektif mereka.

Daripada 47 pandangan bebas responden tadi, penulis membahagikan kandungan pandangan mereka kepada beberapa kategori; iaitu a) Pandangan/Persoalan yang bersifat umum, pro dan kontra tentang Islam Hadhari b) Pandangan/Persoalan tentang Islam Hadhari dan dihubungkan dengan Pendidikan Islam.

Pandangan/Persoalan Samada Yang Bersifat Umum, Pro dan Kontra Tentang Konsep dan Pelaksanaan Islam Hadhari

Setelah dikategorikan, sebanyak 21 responden memberikan komen mereka terhadap konsep dan pelaksanaan Islam Hadhari. Dengan tiga responden memberikan pandangan umum, tujuh responden pro dan 11 responden kontra.

Tiga pandangan umum itu mengandungi kenyataan 1) “konsep dan perlaksanaan Islam Hadhari perlu mengikut prinsip yang tidak lari dari ilmu al-Quran dan al-Sunnah dan sentiasa diperbaiki dan diasingkan dari polemik politik” 2) “Sifat ambil mudah dan sambil lewa pegawai terhadap pelaksanaan prinsipnya menyebabkan Islam Hadhari dipandang serong”, 3) “konsep ok, orang yang melaksanakan?”

Sementara enam pandangan yang bersifat pro memberikan kenyataan berikut:

1. empat responden menyatakan konsep dan pelaksanaan Islam Hadhari “baik dan bagus”; “menepati syariat Islam”, “bersifat menyeluruh dan bertepatan”, dan “berpandukan al-Quran dan al-Sunnah”.
2. dua responden lagi menyatakan; “ konsep ini dapat membentuk sebuah kerajaan atau tamadun Islam yang sempurna”, “perlu dipertingkatkan dari semasa dan memastikan segala konsep selari dengan ajaran Islam”.

Sebanyak 12 pandangan responden lagi bersifat kontra. Mereka memberikan kandungan kenyataan seperti berikut:

1. enam responden menyatakan konsep Islam Hadhari “mengelirukan”, “ramai orang tertanya-tanya apa beza Islam dan Islam Hadhari?”, “mereka yang cetek pengetahuan beranggapan adanya Islam baru”, ada yang memberikan cadangan “buangkan perkataan hadhari kerana Islam sudah mencakupi segala zaman”, “tidak sesuai diperkenalkan kerana takrifnya terlalu mengelirukan”, “istilahnya seolah-olah Islam itu adalah Islam yang baru digubal”.
2. tiga responden menyatakan Islam Hadhari diperkenalkan “bermotifkan politik”, dan “digunakan oleh pihak-pihak tertentu”.
3. tiga responden menyatakan “tidak perlu konsep dan pelaksanaan Islam Hadhari kerana syariat Islam yang diperturunkan oleh Allah melalui Nabi Muhammad SAW sudah jelas dan terang”, “tidak praktikal kerana sebelum ini sudah diterapkan Islam di dalam individu dan masyarakat Muslim”, “konsep ini membantu sekadar nama sahaja” dan “ Islam Hadhari tidak perlu, jangan pandang dari satu sudut sahaja tetapi kerajaan perlu memperkasa Islam yang ada iaitu hadharah Islamiyah.

Pandangan/Persoalan Tentang Islam Hadhari dan Dihubungkan Dengan Pendidikan Islam

Seramai 26 responden telah memberikan komen mereka terhadap Islam Hadhari yang dihubungkan dengan pendidikan. Komen responden diuraikan seperti berikut:

1. Dua responden menyatakan “pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam sedia ada sudah mencukupi sekalipun tidak disisipkan dengan acuan pendekatan Islam Hadhari” dan “Isi kandungan dan skop pendidikan Islam sedia ada sudah memadai dan mudah dilaksanakan. Jika berlaku pembaharuan yang pelbagai berkemungkinan akan berlaku kesukaran dalam penyampaian dan juga penerimaan murid”;
2. Sembilan responden menyatakan komen mereka berkenaan promosi Islam Hadhari di dalam pendidikan; antaranya “konsep Islam Hadhari di dalam kurikulum pendidikan kurang didedahkan, .. hanya cantik di atas kertas”, “ramai di kalangan guru sendiri belum memahami Islam Hadhari”, “perlu lebih diterapkan kepada sekolah, guru dan kakitangan bukan bertumpu bidang agama sahaja”, “perlu diberi lebih penekanan & pendekatan mesti jelas”, “perlu mengadakan bengkel/program kepada semua guru bagi menerangkan konsep dan pelaksanaan Islam Hadhari secara mendalam dan lengkap”, “Islam Hadhari di dalam bidang pendidikan dilihat sebagai satu pendekatan yang baru dan perlaksanaannya yang kurang jelas”, “secara jujur, prinsip Islam Hadhari jarang sekali diterapkan dalam P&P disebabkannya terlalu umum dan perlukan penerangan yang sangat terperinci agar murid sekolah rendah khususnya dapat memahaminya dengan jelas”, “(perlu) menambahkan sukaian pelajaran yang memuatkan konsep Islam Hadhari di sekolah supaya pelajar jelas tentang perkara tersebut”;
3. 10 responden memberikan respons positif mereka berkenaan konsep dan pelaksanaan Islam Hadhari di dalam pendidikan. Antaranya “konsep Islam Hadhari boleh menambahbaik sistem pendidikan di Malaysia”, “amat sesuai dilaksanakan dan bertepatan dengan matlamat pendidikan”, “sesuai diaplikasikan kerana prinsip tersebut adalah universal kepada semua”, “perlaksanaan Islam Hadhari di dalam pendidikan adalah satu cara yang berkesan bagi mendidik masyarakat ke arah kecemerlangan”, “bukan sahaja memberi ruang guru-guru agama ruang pekerjaan tetapi membantu pelajar mendalami al-Quran dan mendirikan solat dengan baik”, “konsep ini dah baik, Cuma perlu dimurnikan lagi dengan isu-isu akhlak dan prinsip-prinsip Islam”, “dicadangkan dimasukkan konsep dan perlaksanaan Islam Hadhari

di dalam sibus”, “bertepatan dengan apa yang dimatlamatkan di dalam pendidikan ...walau bagaimanapun sahsiah murid juga perlu dititikberatkan dalam pembangunan modal insan yang syumul”; dan

4. Lima responden memberikan pandangan mereka dengan menghubungkaitkan Islam Hadhari dengan pendidikan dan faktor atau persoalan yang lain. Antaranya “panduan perlaksanaan kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan pendekatan Islam Hadhari sangat membantu saya membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran – akan tetapi tidak semua prinsip Islam Hadhari boleh dikaitkan dan disisipkan”, “wajar diterapkan tetapi tidak perlu paksaan perlaksanaannya”, “program j-QAF adalah satu pendekatan yang baik untuk melahirkan generasi yang celik al-Quran dan agama tetapi amat dibimbangi jika program seumpama ini tidak disokong dengan suasana yang sepatutnya...melihat kepada program-program hiburan yang seperti cendawan tumbuh selepas hujan..”, “apa yang penting adalah tujuan pendidikan itu dapat difahami oleh murid serta dilaksanakan oleh pendidik tanpa rasa tertekan dan menyusahkan”, “waktu pembelajaran Pendidikan Islam hendaklah ditambah”, “...mengubah sistem penjadualan semula. Seeloknya sesi pembelajaran untuk mata pelajaran Pendidikan Islam perlu diberi satu sesi (sesi pagi atau petang). Atau dengan kata lain sesi pembelajaran sebelah pagi untuk subjek Pendidikan Islam (Tauhid, Fekah, Sirah, al-Quran, Tajwid, Hadis dll.) dan sesi petang pula untuk subjek akademik..”, “memandangkan negara mengalami masalah sosial akhlak yang teruk... institusi pendidikan memainkan peranan”, “saya juga merasakan Pelajaran Agama Islam perlu diwujudkan semula sebagai subjek wajib dalam UPSR bagi murid beragama Islam. Keadaan ini membantu menggalakkan murid mengambil berat dan tidak memandang rendah kepada ajaran agama”.

Menganalisis komen, cadangan guru j-QAF terhadap konsep dan pelaksanaan Islam Hadhari di dalam bidang pendidikan, penulis mendapati responden menggambarkan perspektif mereka antaranya seperti berikut:

1. Konsep Islam Hadhari “baik dan bagus”; “menepati syariat Islam”, “bersifat menyeluruh dan bertepatan” dan “berpandukan al-Quran dan al-Sunnah”. Walau bagaimanapun, terdapat perkara-perkara yang perlu dipertingkatkan di segi pelaksanaannya. Ini memperlihatkan konsep ini bersifat *developmental* pada perspektif responden iaitu bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan di dalam pelaksanaannya;
2. Peristilahan “Islam Hadhari” yang dipilih sebagai tajuk dasar/konsep ini sebagai mengelirukan di segi terminologinya pada perspektif responden

khususnya jika dibandingkan dengan istilah “hadharah Islamiyah “ atau “Islam” itu sendiri. Ini juga menunjukkan pendekatan pembangunan kerajaan berkenaan Islam berasaskan ketamadunan itu sukar difahami atau mengaburkan pada perspektif responden;

3. Motif politik atau keperluan bagi mengimbangi suasana politik dilihat sebagai salah satu sebab kemunculan Islam Hadhari pada perspektif responden;
4. Kurikulum Pendidikan Islam yang sedia ada sudah mencukupi sekalipun tanpa pelaksanaan penyisipan konsep Islam Hadhari di dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini juga menjelaskan bahawa isi pelajaran Pendidikan Islam tidak berubah tetapi berlaku pengayaan konsep Islam Hadhari di dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, pengayaan yang pelbagai jika tidak diadun rapi di dalam perancangan dan pelaksanaan P&P boleh menyukarkan penerimaan murid pada perspektif responden;
5. Promosi konsep Islam Hadhari dalam P&P Pendidikan Islam tidak mencukupi dengan setakat dibantu buku panduan pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari bahkan perlunya aktiviti bengkel, seminar dan seumpamanya. Dapatkan ini selari dengan demografi responden iaitu hanya seramai 17 responden (21%) sahaja yang pernah menghadiri kursus Islam Hadhari sedangkan 64 orang lagi (79%) belum menghadirinya. Responden tidak menafikan bahawa di kalangan mereka masih kabur lagi dengan alasan konsep Islam Hadhari terlalu luas dan abstrak untuk diperincikan/ dikonkritkan semasa perancangan dan pelaksanaan P & P dan semasa penyisipannya;
6. Pelaksanaan Islam Hadhari dalam pendidikan telah mengubah sedikit struktur pengurusan Pendidikan Islam sedia ada dengan pengenalan program j-QAF, penekanan kepada kemahiran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Amalan Solat; Responden melihat perkembangan ini dapat memantapkan lagi usaha memperkasakan Pendidikan Islam di Malaysia;
7. Keberhasilan modal insan yang dipacu oleh pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di dalam bidang pendidikan sewajarnya mendapat kerjasama yang sepadau oleh pihak-pihak yang lain khususnya pada isu pengawalan akhlak dan moral masyarakat oleh kerajaan menurut perspektif responden; dan
8. Peranan dan pentingnya Pendidikan Islam dalam penghasilan modal insan sewajarnya diikuti dengan peratus penguasaan masa belajar murid yang lebih besar dan kandungan isi pelajaran yang lebih luas dan bermakna

serta diikuti dengan sistem pengujian dan penilaian bagi memastikan murid memandang tinggi perihal pentingnya Pendidikan Islam kepada mereka.

KESIMPULAN

Secara umumnya perspektif guru-guru j-QAF terhadap konsep Islam Hadhari dan perspektif guru-guru terhadap konsep panduan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam berasaskan pendekatan Islam Hadhari adalah pada tahap yang sederhana. Mereka dilihat bersifat berhati-hati dan kritikal pada gambaran perspektif mereka yang pelbagai arasnya. Perkara ini relevan kepada kendiri guru j-QAF selaku pengamal pengajian Islam sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Pengetahuan, kefahaman, amalan dan penghayatan ilmu Pengajian Islam mereka telah diresponskan dalam perspektif yang menggambarkan pengalaman baru mereka di dalam pendidikan Islam berkaitan dengan konsep dan pelaksanaan Islam Hadhari. Dapat dilihat respons mereka bagi setiap item yang menggambarkan tentang konsep Islam Hadhari tersebut didapati sebagiannya ada yang tinggi dan sederhana.

Dari sudut sukar/mudah semasa menyisipkan konsep Islam Hadhari di dalam pengajaran dan pembelajaran, didapati perspektif mereka pada tahap yang tinggi. Namun apabila dilihat respons mereka terhadap setiap item yang mewakili komponen tersebut juga didapati terdapat respons yang tinggi dan sederhana. Sedangkan perspektif terhadap tindak balas murid sewaktu konsep Islam Hadhari disisipkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka memberikan respons pada tahap yang sederhana. Selanjutnya perspektif guru-guru terhadap jangkaan keberkesanan kurikulum pendidikan Islam berasaskan pendekatan Islam Hadhari dalam mencapai misi Islam Hadhari juga didapati pada tahap yang tinggi. Kandungan komen/pandangan mereka terhadap konsep dan pelaksanaan Islam Hadhari di dalam pendidikan menggambarkan konsep dan pelaksanaan Islam Hadhari itu boleh diperbaiki dan bersifat *developmental* dan juga bergantung kepada pelaksana dan pelaksanaannya pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Ghaffar Surip. 2009a. Pengurusan Islam Hadhari di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Masalah Dan Cabaran. Tesis Dr. Falsafah, Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abdul Ghaffar Surip. 2009b. Latar belakang, Masalah dan Cabaran Islam Hadhari. Pejabat Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor. Temu bual, 16 April.
- Abdul Ghaffar Surip & Badlihisham Mohd Nasir. 2008. Konsep Islam Hadhari Perspektif Pegawai Hal Ehwal JAKIM. Kertas Seminar Dakwah, Kerohanian dan Qiadah, anjuran kumpulan penyelidik Dakwah, Kerohanian dan Qiadah Fakulti Pengajian Islam di Hotel Residen, UNITEN, 24 Januari.
- Abdul Rafie Mahat. 2004. Sukatan Pelajaran Khatam al-Quran, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid. 1993. Ucapan Perasmian dalam SIBKI 2 – Siri Bengkel Kefahaman Islam. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Hasnol Hadi Ayub. 2009. Sejarah dan latar belakang program j-QAF. Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Selangor. Temu bual, 2 April.
- Mohammad Kamil Abdul Majid & Rahimin Affandi Abd Rahim. 2006. *Islam Hadhari Sebagai Wahana Ilmu untuk Kecemerlangan umat Islam di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mahmood Zuhdi Hj Ab. Majid et al. 2008. *Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.
- Sanger, D., Spilker, A. Williams, N. & Belau, D. 2007. Opinions of female juvenile delinquents on communication, learning and violence. *Journal of Correctional Education* 58(1): 69-92.